

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HST 328 – Kertas Khas Dalam Sejarah Asia Tenggara**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. SATU soalan daripada setiap bahagian dan SATU soalan lagi daripada mana-mana bahagian.

**Bahagian A**

1. "Kemelesetan ekonomi dunia 1929-1935 telah meninggalkan kesan jangka panjang yang berbeza di Kepulauan Hindia Belanda dan Kepulauan Filipina". Bincangkan.
2. "Pendudukan Jepun merupakan satu malapetaka bagi rakyat Filipina, sebaliknya dianggap sebagai rahmat dari Tuhan bagi bangsa Indonesia", Bincangkan pernyataan ini dari sudut kesan sosial dan politik dalam konteks perjuangan kemerdekaan di kedua-dua negara.
3. "Amerika Syarikat rela mengurniakan kemerdekaan kepada Kepulauan Filipina pada 4 Julai 1946, manakala Belanda tidak mengiktiraf kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945". Ulaskan.

**Bahagian B**

4. "Agama adalah sebab utama kenapa Wilayah Filipina Selatan mahu memisahkan diri daripada negara Filipina". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?
5. "Tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah merupakan suatu tuntutan yang sah dan halal", (Presiden Diosdado Macapagal). Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

**Bahagian C**

6. "Revolusi Indonesia TIDAK bergerak dari atas ke bawah". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?
7. "Pengenalan Demokrasi Terpimpin oleh Sukarno pada 1957-1965 berjaya menyelamatkan Republik Indonesia daripada perpecahan". Bincangkan.
8. Sejauh manakah konfrontasi terhadap Malaysia yang dilancarkan oleh Sukarno boleh dianggap sebagai satu usaha untuk mengalihkan perhatian rakyat Indonesia daripada masalah-masalah dalam negara?